

31 OCT 2003

Mahathir-Tun (Bergambar)

DR MAHATHIR DAN ISTERI TERIMA GELARAN TUN

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dianugerahi darjah kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N), anugerah tertinggi negara yang membawa gelaran Tun, sebaik sahaja melepaskan jawatan perdana menteri yang dipegangnya selama 22 tahun.

Isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, pula menerima anugerah Seri Setia Mahkota Malaysia (S.S.M), yang juga membawa gelaran Tun.

Anugerah itu disampaikan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Balairong Seri Istana Negara di sini, sejurus selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima dalam upacara yang bermula pada pukul 3.05 petang.

Turut hadir ialah isteri Abdullah, Datin Seri Endon Mahmood serta orang kenamaan lain termasuk anggota Kabinet, Menteri Besar dan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh serta Speaker Dewan Rakyat Tun Dr Mohd Zahir Ismail.

Anugerah S.M.N. yang diterima oleh Dr Mahathir merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Pertama. Darjah Kebesaran ini terhad kepada 25 orang, tidak termasuk jumlah warga negara asing yang menerimanya sebagai anugerah kehormat.

Penyandang darjah ini membawa gelaran Tun dan isteri penyandang bergelar Toh Puan.

Anugerah S.S.M. yang diterima oleh Dr Siti Hasmah merupakan Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia pangkat pertama.

Keanggotaan dalam darjah ini juga terhad kepada 25 orang tidak termasuk warga negara asing yang dikurniakan sebagai anugerah kehormat.

Dr Mahathir memegang jawatan sebagai Perdana Menteri keempat selama 22 tahun menggantikan Tun Hussein Onn yang menyerahkan tugas jawatan itu

kepada Dr Mahathir yang ketika itu merupakan timbalannya.

Dr Mahathir mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri keempat di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah pada 16 Julai 1981.

Gelaran Tun sebelum ini pernah dianugerahkan kepada Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak pada 31 Ogos 1959 sempena ulangtahun kedua kemerdekaan negara.

Beliau menerima darjah yang sama dengan Dr Mahathir iaitu S.M.N.

Perdana Menteri ketiga Tun Hussein Onn turut dianugerahkan gelaran Tun pada tahun 1981 dengan anugerah Darjah yang sama.

Turut menerima gelaran S.S.M. yang membawa gelaran Tun ialah dua bekas Timbalan Perdana Menteri -- Tun Dr Ismail Abdul Rahman pada tahun 1966 dan Tun Ghafar Baba pada tahun 1995.

Dalam pada itu isteri kepada Tun Abdul Razak, Tun Rahah Mohd Noah turut menerima gelaran tersebut pada tahun 1976.

-- BERNAMA

SSA MUN MFJ MOZ AU MAI